

# Kuin terima pelajar AiU

Tawar tempat kepada pelajar AiU sambung pengajian di kampus Kuala Ketil

■ ROSLINDA HASHIM

**ALORSETAR** - Kolej Universiti Insaniah (Kuin) bersedia pada bila-bila masa untuk menerima kemasukan pelajar Universiti Antarabangsa Albukhary (AiU) yang didakwa akan ditutup pada Jun depan.

Rektornya, Profesor Datuk Mohd Yusof Kasim berkata, pihaknya menawarkan tempat kepada lebih 600 pelajar universiti itu untuk menamatkan pengajian mereka di kampusnya di Kuala Ketil, Baling.

"Perkara ini termasuk perpindahan pelajar sudah dibincangkan bersama pengurusan AiU sejak dua bulan lalu. Namun sehingga kini, kita masih belum terima jumlah atau senarai pelajar terlibat. Kita masih menunggu maklum balas daripada AiU," katanya.

Menurutnya, difahamkan pelajar AiU diberi kebebasan untuk memilih universiti baharu untuk menyambung pengajian, dan ini mungkin faktor perkara itu masih belum dimuktamadkan.

"Kuin bersedia terima pelajar seramai yang mungkin, kita tidak hadkan jumlah pelajar. Kampus Kuin masih dapat tampung penghijrahan pelajar AiU walaupun jika semua pelajar itu seramai 600 memilih Kuin," katanya.

Mohd Yusof berkata, sekiranya berlaku perpindahan pelajar AiU, ia tidak akan menjejaskan pengambilan pelajar baharu Kuin, yang dijangka diadakan pada penghujung Jun ini.

"Sesi pengambilan pelajar baharu sama seperti AiU, iaitu pengajian bermula Julai. Asrama pelajar juga mencukupi dan kita tiada masalah untuk terima mereka," katanya.

Menurutnya, semua program pengajian di AiU turut ditawarkan di Kuin, antaranya Pengurusan Perniagaan, Teknologi



**MOHD YUSOF**

Maklumat, Asasi dan Pengajian Islam.

"Pelajar tiada masalah untuk pilih program sama, malah dibenarkan melakukan pemindahan kredit tanpa perlu mengulang semester.

"Pelajar hanya perlu sambung pengajian seperti biasa.

"Contohnya, jika pelajar tahun kedua, mereka akan ditempatkan di semester sama," katanya.

Mohd Yusof berkata, ini menyebabkan pelajar dapat meneruskan dan menamatkan pengajian seperti biasa tanpa perlu menambah tempoh pengajian.

Pada 15 April lalu, enam pelajar dari AiU memfailkan saman terhadap universiti itu kerana didakwa gagal memberi notis penutupan dalam tempoh ditetapkan seperti termaktub bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS).